

Pelaksanaan NCER bukan untuk raih populariti: PM

Kerajaan usaha baiki ekonomi rakyat di wilayah agak ketinggalan

Oleh Azmi Md Deros
dan Adha Ghazali

KANGAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pelaksanaan projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bukan bermotifkan politik atau meraih populariti menjelang pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, inisiatif itu dilaksanakan kerana kerajaan menyedari usaha perlu dilakukan bagi membaiki ekonomi masyarakat di wilayah terbabit yang kebanyakannya masih ketinggalan, berbanding kawasan lain.

"Kita laksanakan NCER bukan ada tujuan lain, bukan untuk tujuan politik atau untuk meraih populariti menjelang pilihan raya.

"Kita serius memajukan kawasan utara bagi membangunkan ekonomi rakyat supaya mereka menikmati taraf hidup lebih baik," katanya ketika berucap merasmikan penutupan Konvensyen Ekonomi Bumiputera Peringkat Negeri di sini, semalam.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut merasmikan upacara pecah tanah Pusat Biotek Herba Taman Teknologi Malaysia Perlis di Sungai Batu Pahat bagi membolehkan sebuah pusat penyelidikan dan pengeluaran herba dibangunkan di kawasan itu.

Konvensyen sehari itu dianjurkan Umno Perlis. Hadir sama pada majlis itu, isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Baru-baru ini, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, mendedahkan ada pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan dakwah kononnya NCER tidak membawa faedah kepada rakyat kerana ia hanya retorik politik.

Abdullah menyifatkan pihak yang menyebarkan dakwah itu sebagai golongan yang cuba menafikan kemajuan dibawa kerajaan, sedangkan kemajuan tidak dapat dielakkan dan dituntut agama.

"Kerajaan ikhlas melaksanakan NCER bagi membolehkan taraf ekonomi rakyat di wilayah utara dilonjakkan ke tahap lebih baik, khususnya yang terbabit dalam kegiatan pertanian dan masih dibelenggu ke-



TANDA INGATAN: Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan cenderamata kepada Abdullah sambil diperhatikan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Jeanne di Istana Arau, Perlis, semalam.

miskinan," katanya.

Sementara itu, pada majlis perjumpaan dengan 500 kakitangan kerajaan tengah hari semalam, Perdana Menteri turut memberi jaminan komitmennya untuk memantau sendiri setiap inisiatif koridor pembangunan wilayah yang dilaksanakan.

"Saya mahu pastikan ia berjalan mengikut jadual. Semua pihak terbabit perlu bergerak secara dinamik supaya perancangan berjalan mengikut jadual," katanya.

Sementara itu, beliau mengulangi gesaannya kepada usahawan Bumiputera supaya meningkatkan nilai tambah dalam penghasilan produk atau cara berfikir bagi membolehkan mereka memperluaskan pasaran.

Beliau juga berkata, langkah kerajaan membantu memajukan ekonomi Bumiputera tidak sepatutnya dicemburui oleh orang lain kerana ia

bukan bermakna kerajaan merampas hak bukan Bumiputera.

"Kita membantu usahawan Bumiputera dengan adil dan faedahnya turut dinikmati bukan Bumiputera. Kita tidak pernah merampas hak bukan Bumiputera untuk diberikan kepada Bumiputera," katanya.

FAKTA NOMBOR

Projek mega

RM180b

Anggaran nilai pelaburan di WPI

RM177b

Anggaran nilai pelaburan di NCER

Terdahulu, pada sebelah pagi, beliau menghadiri istiadat khas Penganugerahan Darjah Kebesaran Datuk Bendahara Seri Jamalullail (DBSJ) yang disampaikan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Arau.

Sementara itu, Pusat Bioteknologi Herba Perlis yang akan dibina di Sungai Batu Pahat di sini, dijangka menyokong pertumbuhan kira-kira 100 perintis baru dalam industri berasaskan herba di Perlis, menjelang Januari 2009.

Malah, pusat itu berperanan sebagai kompleks sokongan kepada pusat kajian herba pertama yang ditubuhkan di Taman Teknologi Malaysia (TTM), Batu Talam, Pahang, untuk memenuhi pertumbuhan industri berkenaan kira-kira 15 hingga 20 peratus, daripada RM3.8 bilion setahun sekarang.